

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PSC-NAVAL DOCKYARD SDN. BHD.
LUMUT, PERAK.
(199302 - K)

HIDAYAH BT. YATIM

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100032945 *cm. 1909*

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang <i>Hidayah bt. Yakin</i>	No. Panggilan <i>LP 3 FPE30</i>
Judul <i>Industri di PSE - Naval dockyard</i>	<i>2004</i>

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PSC-NAVAL DOCKYARD SDN. BHD.
LUMUT, PERAK.
(199302-K)**

OLEH

HIDAYAH BT. YATIM
Sarjana Muda Pengurusan
(Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100032945

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini, saya **HIDAYAH BT YATIM**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama: **HIDAYAH BT YATIM**

Tarikh: ~~26 September 2004~~

Disahkan Oleh: 

En. Madzli Bin Haji Harun

Penyelia KUSTEM

b / p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya semasa saya menjalani Latihan Industri ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Syarikat PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. kerana menerima saya menjalani Latihan Industri selama 12 minggu bermula 22 Mac 2004 sehingga 12 Jun 2004. Juga kepada Encik Madzli Bin Haji Harun selaku Penyelia Industri KUSTEM yang banyak meluangkan waktu membantu dan membimbing saya dalam menyiapkan laporan akhir ini.

Terima kasih juga kepada Penyelia Industri Syarikat, Encik Mokhtar Bin Ahmad (*Marine Technology Academy*), Encik Rosli Bin Mazlan (Bahagian QA/QC, Shiprepair), Encik Zawawi Bin Mat Tahar (Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran), dan En Ismail Bin Rashid (Health And Safety Environment). Kesabaran dan toleransi anda semua amat mengagumkan saya dan sedikit sebanyak saya dapat mempraktikkan apa yang dipelajari di KUSTEM khususnya bahagian pengurusan.

Jutaan terima kasih diucapkan juga kepada semua kakitangan PSC-Naval Dockyard di atas semua nasihat dan sokongan juga tunjuk ajar yang diberikan semasa saya menjalani Latihan Industri di sini.

Akhirnya, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya, Encik Yatim Bin Musa dan Puan Sulimah Bt Sururi yang sentiasa memberi sokongan dan semangat kepada saya juga dari segi kewangan sepanjang tempoh saya menjalani Latihan Industri ini.

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
Prakata		iv
Ringkasan Eksekutif		vi
Senarai Rajah		vii
Bab 1	Latar Belakang Syarikat	1
1.1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Sejarah Penubuhan PSC-Naval Dockyard	2
1.2.0	Visi Syarikat	2
1.3.0	Misi Syarikat	3
1.4.0	Objektif Syarikat	4
1.5.0	Matlamat Syarikat	5
1.6.0	Maklumat Organisasi	6
1.7.0	Bidang Urusan Organisasi	7
1.8.0	Struktur Organisasi Syarikat	9
1.9.0	Senarai Carta Organisasi Syarikat	10
1.9.1	Senarai Carta Organisasi Syarikat (Shiprepair)	11
1.10.0	Aktiviti Organisasi	12
1.11.0	Bahagian-bahagian di PSCNDSB (Shiprepair)	12
1.11.1	Bahagian Pembaikan Kapal	12
1.12.0	Bahagian Pembinaan Kapal	18
1.13.0	Kekuatan Organisasi	19
1.13.1	Limbungan yang Strategik	19
1.13.2	Kemudahan yang komprehensif	20
1.13.3	Syarikat pertama membaiki kapal selam	20
1.13.4	ISO 9002	21
1.14.0	Kemahiran yang ingin dipelajari	21
1.14.1	Kemahiran menganalisis data	22
1.14.2	Kemahiran berkomunikasi	23

1.14.3	Audit Dalaman ISO 9001:2002	23
Bab 2	Pengenalpastian Masalah	25
2.0	Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian	25
2.1.0	Sistem Kerja Dalam Unit Elektrik	25
2.2.0	Pengenalan Kepada Unit Elektrik	25
2.3.0	Penerangan Prosedur dalam Sistem Unit Elektrik	28
2.4.0	Mengenalpasti Masalah	35
2.4.1	Kelewatan penerimaan barangan alat ganti	35
2.4.2	Tiada pengkalan data mengenai harga alat ganti	36
2.5.0	Cadangan penyelesaian	37
2.5.1	Membuat satu kontrak dengan pembekal	37
2.5.2	Mencari maklumat harga melalui internet	37
2.6.0	Perlaksanaan cadangan dan implikasi	38
2.7.0	Pengenalan Pengurusan Projek Pembaikan Kapal	42
2.8.0	Prosedur Pengurusan Projek Pembaikan Kapal	42
2.9.0	Pengenalpastian Masalah	47
2.9.1	Perlaksanaan tugas kurang cekap	47
2.9.2	Pekerja tidak mementingkan aspek keselamatan	49
2.10.0	Cadangan penyelesaian	50
2.10.1	Melaksanakan Program Latihan (Training)	50
2.10.2	Mengetatkan dan menguatkuasakan peraturan	51
2.11.0	Perlaksanaan cadangan dan implikasi	52

Bab 3**Penutup**

3.0	Cadangan keseluruhan dan penutup laporan Latihan Industri	54
3.1.0	Cadangan keseluruhan	54
	Rujukan	
	Lampiran	

Prakata

Latihan Industri (PGN 4799) dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia merupakan kursus yang diwajibkan bagi pelajar tahun akhir dan merupakan sebahagian dari kerja kursus bagi membolehkan pelajar bergraduat dengan cemerlang.

Kursus ini melibatkan 6 jam kredit dimana sepanjang Latihan Industri selama 12 minggu (22 Mac 2004 – 12 Jun 2004) pelajar diberi pendedahan suasana pekerjaan sebenar dan mengaplikasikan bidang pengajian ke dalam bidang pekerjaan.

Setiap pelatih diberi sebuah buku log dimana buku log ini akan merekodkan segala aktiviti yang dilakukan semasa menjalani Latihan Industri ini. Buku log ini juga menjadi rujukan kepada penyelia KUSTEM semasa lawatan diadakan.

Pembentangan akan diadakan selepas beberapa minggu pelatih pulang daripada menjalani Latihan Industri. Pada masa yang sama, laporan akhir juga perlu dihantar dimana laporan ini mengandungi masalah dan penyelesaian yang dibuat atas pandangan pelatih sendiri.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di PSC-Naval Dockyard (CO.REG 199302-K) yang terletak di dalam Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Semasa pelatih menjalani latihan, pelatih diletakkan di bahagian '*Quality Assurance and Quality Control*' (*QA/QC Department, Shiprepair*) juga Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran (*Human Resource and Administration Department*) di bawah pengawasan Encik Mokhtar Bin Ahmad (MTA).

PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang besar dan terkenal di dalam pembinaan dan pembaikan kapal. Kelebihan ini membuatkan pelatih merasa bangga dan seronok kerana diberi peluang menjalani Latihan Industri di syarikat ini untuk menimba pengalaman dan pengetahuan untuk digunakan dalam pekerjaan sebenar nanti.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara amnya, Syarikat PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. (Bahagian Pembaikan Kapal) dibahagikan kepada dua iaitu Bahagian Operasi dan juga Bahagian Sokongan. Bahagian Operasi dan juga Bahagian Sokongan ini mempunyai unit-unit di bawahnya dimana ia mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu. Bahagian Operasi melibatkan Unit Elektrik, Unit Kejuruteraan Am, Unit Pembaikan Enjin, Unit Perpaipan, Injap dan Pam, Unit Fabrikasi Logam, Unit Hidraulik dan '*Propulsion*' dan Unit Bukan Logam. Unit-unit ini amat penting semasa proses pembaikan kapal dijalankan kerana setiap unit mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu untuk memastikan kelancaran projek yang dijalankan. Bahagian Sokongan pula melibatkan Unit '*Dockmaster*', Unit Elektronik dan Unit Persenjataan. Unit Sokongan merupakan unit-unit yang bertanggungjawab memastikan keberkesanan yang berterusan untuk kualiti kerja dan pelaksanaan kerja mengikut kehendak pelanggan. Perniagaan utama Syarikat PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. ialah pembaikan kapal dimana Syarikat PSC-ND ini telah membaiki lebih 400 buah kapal perang dan lebih 100 kapal komersil yang mendapat pujian dari pelbagai pihak kerana kualiti kerja yang dihasilkan. Semasa menjalani Latihan Industri di syarikat ini, pelatih dapat melihat kelemahan dan juga masalah di Bahagian Pembaikan Kapal (Shiprepair) dan juga Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran. Masalah ketara yang dilihat ialah masalah penerimaan bahan mentah yang terlalu lama, tiada pengkalan maklumat tentang harga bahan mentah, dan juga masalah efisyen kerja. Melalui laporan ini, pelatih dapat memberi cadangan dan cara penyelesaian sebagai langkah bimbingan kepada syarikat untuk menyelesaikan masalah. Melalui cadangan ini, diharap ia akan dapat memberi gambaran berhubung masalah yang dihadapi agar penyelesaian dapat dibuat. Semoga cadangan yang diberikan dapat memberi bimbingan kepada syarikat di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Cadangan yang diberikan mungkin bukanlah cara penyelesaian yang sempurna tetapi sebagai salah satu cadangan sahaja. Harapan akhir, semoga syarikat terus maju ke hadapan dan mencapai misi yang ditetapkan.